

07 FEB 1999

Agong-Jordan

AGONG UCAP TAKZIAH KEPADA JORDAN

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar telah mengucap takziah kepada Jordan di atas kemangkatan Raja Hussein.

Dalam ucapan takziah kepada Putera Mahkota Abdullah Ben Al Hussein, yang dikeluarkan oleh Wisma Putra malam ini, Tuanku Ja'afar bertitah bahawa baginda dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah berasa amat sedih di atas kemangkatan Raja Hussein hari ini.

Titah Tuanku Ja'afar, Allahyarham Raja Hussein telah memberi sumbangan yang amat bermakna kepada kemakmuran Jordan dan mewujudkan keamanan dan kestabilan di Asia Barat.

Putera Mahkota Abdullah dilantik sebagai Raja Jordan yang baru di hadapan Parlimen selepas kemangkatan ayahandanya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dalam ucapan takziah kepada Perdana Menteri Jordan Dr Fayez Tarawneh berkata rantau itu dan dunia kehilangan seorang negarawan yang ulung dan pemimpin yang berpengalaman.

Beliau berkata semasa hayatnya, Raja Hussein telah memberi sumbangan kepada pembangunan Jordan dan ke arah keamanan dan kestabilan di Asia barat.

Abdullah berkata Raja Hussein telah memberi sumbangan besar kepada usaha memperkukuhkan hubungan antara Malaysia dan Jordan dan semua rakyat Malaysia berkabung di atas kemangkatannya.

Sementara itu, Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud selaku Pemangku Menteri Luar akan mewakili Malaysia pada upacara pengebumian Allahyarham.

Upacara pengebumian akan berlangsung esok selepas sembahyang Zuhur.

Jurcakup Wisma Putra berkata Sulaiman akan berlepas ke Amman malam ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar kini mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadiri Sidang Kemuncak G15 di Jamaica.

-- BERNAMA

AR FAZ